



BENCANA MUSIM MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2025/2026 : SEKILAS DATA



4
NEGERI



11
DAERAH



46
PPS AKTIF



1,940
KELUARGA




5,959
MANGSA



4
KEMATIAN

* Data sehingga 21 Disember 2025 jam 6.00 pagi & data kematian adalah kumulatif sejak 13 November 2025

PPS: Pusat Pemindahan Sementara





PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	JENIS BENCANA	DAERAH	PPS AKTIF	KELUARGA	MANGSA	TREND
Pahang	Banjir 🏠	Kuantan	22	1,456	4,231	Menurun
		Pekan	6	155	460	Tidak Berubah
		Jerantut	4	27	86	Tidak Berubah
		Bera	3	16	68	Tidak Berubah
		Temerloh	3	13	59	Tidak Berubah
		Rompin	1	13	42	Tidak Berubah
		Maran	1	6	35	Tidak Berubah
	Tanah Runtuh 🏔️	Cameron Highlands	1	6	22	Tidak Berubah
	JUMLAH		41	1,692	5,003	Menurun
Terengganu	Banjir 🏠	Kemaman	3	239	905	Tidak Berubah
	JUMLAH		3	239	905	Tidak Berubah
Selangor	Tanah Runtuh 🏔️	Gombak	1	8	47	Tidak Berubah
	JUMLAH		1	8	47	Tidak Berubah
Sarawak	Tanah Runtuh 🏔️	Miri	1	1	4	Tidak Berubah
	JUMLAH		1	1	4	Tidak Berubah
JUMLAH KESELURUHAN			46	1,940	5,959	Menurun

* Trend: Perbandingan dengan data 20 Disember 2025 jam 12.00 tengah malam



SITUASI TERKINI

- Sehingga **21 Disember 2025, jam 6.00 pagi**, terdapat **11 daerah** di **empat negeri** yang dilanda bencana dengan **penurunan** jumlah mangsa kepada **5,959 mangsa dalam tempoh 24 jam** (berbanding **12,887 mangsa** pada **20 Disember 2025**). Ia melibatkan **1,940 keluarga** yang ditempatkan di **46 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka juga **menurun** berbanding **88 PPS** pada **20 Disember 2025**.
- Tiga daerah paling teruk terjejas** adalah **Kuantan, Pahang (4,231 mangsa)**, **Kemaman, Terengganu (905 mangsa)** dan **Pekan, Pahang (460 mangsa)**.
- Berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM), **empat kematian** telah direkodkan setakat ini yang melibatkan kematian akibat kejadian banjir iaitu **satu di Gua Musang, Kelantan pada 21 November 2025, satu di Tanah Merah, Kelantan pada 26 November 2025, satu di Sepang, Selangor pada 30 November 2025 dan satu di Kuala Krai, Kelantan pada 18 Disember 2025**.



MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- Tiga stesen meteorologi** yang mencatatkan **jumlah hujan harian tertinggi** pada **20 Disember 2025** adalah **Klang, Selangor (74.2 mm)**, **Limbang, Sarawak (71.4 mm)** dan **Kuching, Sarawak (44.7 mm)**.
- Secara amnya, rantau negara dijangka menerima tiupan angin timuran sepanjang minggu ini.
- Analisis terhadap model-model ramalan cuaca menunjukkan penumpuan angin dijangka berlaku di Sabah dan Sarawak bermula pada 21 hingga 24 Disember 2025. Keadaan ini boleh menyebabkan peningkatan kelembapan yang berpotensi menghasilkan ribut petir berserta hujan lebat dan angin kencang dalam tempoh yang lebih panjang di kawasan tersebut.
- Tiada Amaran Hujan Berterusan yang masih berkuat kuasa setakat ini.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)

- Pada **20 Disember 2025, tiada Amaran Banjir dan Ramalan Awal Banjir** yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)



IMPAK

- Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)** melaporkan bahawa beberapa kawasan yang berisiko mengalami tanah runtuh di daerah yang sedang dilanda banjir iaitu di Kuantan, Temerloh dan Jerantut, Pahang serta di Kemaman, Terengganu. Kawasan berisiko merujuk kepada *hotspot* tanah runtuh dan/atau cerun kritikal.
- Pada 20 November 2025, terdapat **dua kejadian tanah runtuh baharu** yang telah berlaku di daerah yang sedang dilanda banjir iaitu kedua-duanya di Taman Gambang Damai di daerah Kuantan, Pahang. Pemantauan berterusan oleh JMG Negeri sedang dijalankan bagi memastikan situasi tanah runtuh dipantau secara rapi.
- Jumlah kumulatif tanah runtuh yang berlaku di seluruh negara sejak bermula Monsun Timur Laut (MTL) adalah sebanyak **28 kejadian**, Selangor merekodkan bilangan kes tertinggi iaitu sebanyak 12 kejadian, diikuti oleh Pahang yang merekodkan enam kejadian serta Perak dan Terengganu masing-masing merekodkan tiga kejadian. Manakala W.P. Kuala Lumpur merekodkan dua kejadian serta Negeri Sembilan dan Sabah masing-masing merekodkan satu kejadian.
- Pelaporan JMG tidak merangkumi laluan jalan negeri, persekutuan dan lebuh raya.

Sumber : Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)

- Jabatan Kerja Raya (JKR)** telah merekodkan **64 lokasi kejadian bencana** yang menjejaskan infrastruktur jalan raya sehingga 20 Disember 2025, jam 10.00 malam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 34 lokasi melibatkan Jalan Persekutuan manakala 30 lokasi menjejaskan Jalan Negeri. Kejadian ini berlaku di 10 negeri iaitu Pahang (6 daerah), Perak (4 daerah), Kedah (4 daerah), Kelantan (2 daerah), Selangor (2 daerah), Terengganu (2 daerah), Pulau Pinang (2 daerah), Perlis (1 daerah), Johor (1 daerah) dan Melaka (1 daerah).



- Jenis kejadian bencana yang paling dominan ialah banjir (26 lokasi), cerun runtuh (22 lokasi), jalan runtuh (9 lokasi), jalan mendap (6 lokasi) dan jambatan rosak atau runtuh (1 lokasi). JKR sedang melaksanakan pemantauan rapi dan kerja pemulihan segera.

Sumber : Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

- **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** melaporkan sebanyak **14 institusi pendidikan masih terjejas akibat banjir** di beberapa negeri. Pecahan mengikut negeri adalah Sarawak (7 sekolah rendah; 1 sekolah menengah) dan Pahang (3 sekolah rendah; 3 sekolah menengah).
- Selain itu, sebanyak 33 PPS premis sekolah masih dibuka bagi menempatkan mangsa banjir. Pecahan mengikut negeri adalah Pahang (22 sekolah rendah; 8 sekolah menengah) dan Terengganu (3 sekolah rendah).
- Secara keseluruhan, seramai 699 murid masih berada di PPS premis sekolah. Pecahan mengikut negeri adalah Pahang (629 murid) dan Terengganu (70 murid).

Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

- **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** melaporkan setakat 20 Disember 2025, jam 4.00 petang, terdapat **22 fasiliti kesihatan yang terjejas akibat banjir** di Pahang iaitu melibatkan 10 Klinik Desa, lapan Klinik Kesihatan, tiga Klinik Pergigian dan satu Klinik Komuniti. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak empat fasiliti telah berpindah operasi ke fasiliti yang berhampiran, manakala 18 lagi fasiliti kesihatan beroperasi seperti biasa.
- **Empat fasiliti yang telah berpindah operasi** ke fasiliti yang berhampiran adalah seperti yang berikut:
 1. Klinik Pergigian (KP) Padang Rumbia, Pekan - berpindah ke KP Peramu Jaya, Pekan
 2. Klinik Desa Kampung Sungai Miang, Pekan - berpindah ke Klinik Kesihatan Bandar Pekan
 3. Klinik Desa Tanjong Pulau, Pekan - berpindah ke Klinik Kesihatan Padang Rumbia
 4. Klinik Desa Sawira, Rompin - berpindah ke Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) Muadzam Shah, Rompin

- Di lapangan, sebanyak 112 Pasukan Perubatan Kecemasan (EMT) telah digerakkan yang terdiri daripada 44 *Rapid Response Team* (RRT) Kesihatan, 39 RRT Perubatan dan 29 Pasukan *Mental Health and Psychosocial Support* (MHPSS). Pasukan ini ditempatkan di PPS bagi menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan, pemantauan kesihatan dan pencegahan penyakit kepada mangsa banjir.

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

- **Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)** melaporkan sebanyak **59 infrastruktur komunikasi terkesan akibat banjir** di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, terdapat tujuh stesen pemancar yang masih belum beroperasi iaitu lima di Pahang dan dua di Kelantan.
- Bagi memastikan kelangsungan komunikasi di kawasan terjejas, sehingga 19 Disember 2025, sebanyak 23 PPS telah dipasang Inisiatif WiFi percuma oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi.
- SKMM bersama penyedia perkhidmatan telekomunikasi akan terus memantau tahap liputan melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD)/Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) bagi memastikan sebarang gangguan perkhidmatan atau kesesakan talian di PPS dapat ditangani dengan segera.

Sumber : Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

- **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** melaporkan tiada lagi kawasan di Pahang yang diputuskan bekalan elektrik sebagai langkah keselamatan akibat banjir. Selain itu, tiada PPS yang dilaporkan terjejas bekalan elektrik di daerah yang dilanda banjir.

Sumber : Tenaga Nasional Berhad (TNB)



LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGANSI KERAJAAN

- NADMA selaku urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) akan sentiasa memastikan semua agensi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana di semua peringkat.
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah diaktifkan di negeri-negeri yang dilanda banjir bagi memastikan PPS dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi dan menyelaraskan semua aktiviti tindak balas melibatkan pelbagai agensi.
- Kerajaan melalui NADMA telah melaksanakan Inisiatif MADANI dengan mempercepatkan bayaran **Bantuan Wang Ihsan (BWI)** menggunakan Aplikasi MyIBJKM. Sehingga 18 Disember 2025, sebanyak 64,890 permohonan BWI telah diterima di seluruh negara, dengan 48,272 permohonan berjaya diproses melibatkan jumlah bayaran RM48.272 juta. Pembayaran dilaksanakan melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) sama ada secara pemindahan terus ke akaun pemohon atau kutipan tunai di kaunter BSN.
- Sebanyak **3,000 unit kit makanan tambahan** telah dihantar ke Pahang pada 20 Disember 2025 bagi memenuhi keperluan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Negeri Pahang.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** telah menyediakan bantuan makanan kepada mangsa banjir di PPS dalam bentuk makanan bermasak yang diagihkan dalam tempoh 24 jam pertama serta makanan *pack food* mengikut keperluan semasa. Selain itu, bantuan lain turut disalurkan kepada mangsa di PPS merangkumi barang keperluan asas bagi memastikan kebajikan mangsa terjaga.
- Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)** telah mengoperasikan **Pam Kecemasan Mudah Alih** ke kawasan banjir untuk membantu mengurangkan air dan mempercepatkan proses surut air. Tindakan ini adalah sebahagian daripada langkah-langkah yang diambil untuk mengendalikan banjir di negeri yang terjejas.

- Sebanyak satu unit Pam Kecemasan Mudah Alih telah dipasang pada 20 Disember 2025 di Pahang. Pada masa yang sama, sebanyak **173 unit pam sedang beroperasi di negeri-negeri yang terjejas banjir, manakala 49 unit lagi berada dalam keadaan siap siaga** untuk digerakkan mengikut keperluan semasa. Selangor merekodkan jumlah tertinggi dengan 133 unit pam aktif dan 28 unit pam siap siaga, diikuti Pahang (19 unit aktif; 8 unit siap siaga), Terengganu (12 unit aktif; 13 unit siap siaga) serta Sarawak dengan 9 unit pam aktif.
- Perincian jumlah kekuatan anggota dan aset agensi tindak balas** yang ditempatkan di negeri-negeri dilanda banjir adalah seperti di **Lampiran 1**.
- Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)** yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.
- Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>.



MAKLUMAT PERGERAKAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

- Sejak bermulanya Monsun Timur Laut (MTL) pada 13 November 2025, sebanyak **557 pelaporan** misi bantuan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah Rakan NADMA telah direkodkan di **10 negeri**.
- NGO terbabit melaksanakan pelbagai bentuk bantuan termasuk **pengagihan makanan dan minuman, kit kebersihan, khidmat pembersihan, khidmat kaunseling, keperluan tidur, bantuan mencari dan menyelamatkan, sokongan logistik, pasukan perubatan, komunikasi kecemasan, keperluan bayi** serta lain-lain bentuk bantuan kemanusiaan bagi membantu mangsa banjir di negeri-negeri terjejas.
- Secara keseluruhan, **25,601 sukarelawan** daripada **39 pertubuhan** telah melaksanakan pengoperasian dan pengagihan bantuan tersebut.



JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS

BIL.	NEGERI	AGENCI	ANGGOTA	ASET
, 1.	PAHANG	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	232	4X4/SUV/VAN: 12, BOT: 9, LORI/FRT/LFRT: 4, MOTOSIKAL: 1
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	189	4X4/SUV/VAN: 9, BOT: 7, LORI/FRT/LFRT: 13
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	31	-
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	-	-
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	115	-
2.	TERENGGANU	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	42	4X4/SUV/VAN: 1, LORI/FRT/LFRT: 3
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	16	4X4/SUV/VAN: 1, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 2
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	35	4X4/SUV/VAN: 9, BOT: 2
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	46	4X4/SUV/VAN: 3, AMBULANS/EMRS: 1, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 6
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	16	-
3.	JOHOR	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	37	4X4/SUV/VAN: 1, AMBULANS/EMRS: 1, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 1
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	82	4X4/SUV/VAN: 1, LORI/FRT/LFRT: 5
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	-	-
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	-	-
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	-	-
4.	KELANTAN	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	5	4X4/SUV/VAN: 1
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	-	-
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	-	-
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	-	-
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	-	-
JUMLAH			846	4X4/SUV/VAN: 38, LORI/ FRT/LFRT: 34, BOT: 21, MOTOSIKAL: 1, AMBULANS/EMRS: 2

* Data sehingga 20 Disember 2025 jam 11.59 malam. Untuk daerah-daerah yang terlibat dengan banjir sahaja.

Sumber: APM, ATM, PDRM, JPBM & RELA